# MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENYERTAAN AWAM DALAM RANCANGAN TEMPATAN

**Kawasan Kajian : Batu Pahat, Johor**

**JULIANA BINTI MOHAMAD**

**Tesis ini dikemukakan**
**sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat**
**Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah**

***Fakulti Alam Bina***
**Universiti Teknologi Malaysia**

**MAC 2004**

## *ABSTRAK*

*Di negara-negara yang mengamalkan sistem demokrasi, penyertaan awam sentiasa dikaitkan dengan proses membuat keputusan oleh kerajaan. Rancangan Pembangunan boleh dikatakan sebagai satu keputusan penting yang mempunyai pengaruh besar ke atas awam. Oleh sebab itu, penyertaan awam sentiasa dikaitkan dengan bidang perancangan pembangunan oleh jururancang. Penyertaan awam dalam proses penyediaan Rancangan Tempatan di Negara ini diperuntukan di bawah Seksyen 13, Akta 172, iaitu program seranta untuk Draf Rancangan Tempatan sebelum ia diluluskan. Walau bagaimapun, program ini tidak mendapat sambutan yang menggalakkan. Buktinya, program seranta Draf Rancangan Tempatan Kajang menunjukkan kadar penyertaan yang rendah iaitu hanya 3.5% daripada jumlah penduduk dan hanya 14 borang bantahan/maklumbalas dapat diterima. Selain publisiti yang kurang berkesan, peluang penyertaan awam yang kurang, penyertaan dalam bentuk pameran (One-Way) dan tiadanya perwakilan khas juga merupakan antara faktor yang menyebabkan orang awam kurang sedar akan hak dan kepentingan penyertaan mereka dalam perancangan pembangunan. Bagi menggalakkan orang awam yang masih kurang sedar akan kepentingan perancangan tempatan supaya melibatkan diri dalam program berkaitan. PPK sesuai dilaksanakan. Tambahan pula, sistem perancangan sediada telah dipraktiskan lebih kurang 20 tahun sejak Akta Perancangan Bandar dan Desa diperkenalkan. Selain itu, bidang penyertaan awam dalam perancangan merupakan satu perkara rumit kerana melibatkan pelbagai pihak termasuk PBPT, jururancang agensi-agensi perkhidmatan sama ada dari sektor kerajaan ataupun swasta, pihak pemaju, pertubuhan-pertubuhan masyarakat dan setiap golongan masyarakat. Walaupun PPK telah menyediakan peluang yang banyak untuk penyertaan awam dalam proses penyediaan Rancangan Tempatan, tetapi keberkesanan penyertaan awam amat bergantung kepada sambutan ataupun komitmen daripada orang awam dan juga keikhlasan pihak berkuasa perancangan untuk menerima pendapat orang awam.*

## *ABSTRAK*

*In a democratic country, public participation is always related to decision making on development planning. Development planning is one of the important medium and give big influence to people. Therefore, public participation is almost related to planning field by planner. For Malaysia, in the preparation process of local plan, there is a public participation program (Seranta) on the draft local plan before it been gazette. This is the provision in Section 13 of Act 172. However, the program is not very effective. From the research on the seranta program of Kajang Local Plan, it is found that the participation rate was very low, that was only 3.5% of the total population of the planning area and there were only 14 memoranda been received. From the interview of the local people, it found that there was only 30% or the public who knew about the Seranta program, while only 10% of them attended the program (in exhibition form). The figures prove that the publicity on the program was poor and the public still does not aware of their right and its importance to the development planning. Beside un effective publicity, lack of public participation and also on-way approach on exhibition is the main factors why people did not aware for their right on development planning. CPA is the one of the result to encourage people to participate in the planning program. Further more, planning system has been practiced for 20 years since country Planning Act introduced. Beside that, public participation is a complicated process which is need an involvement from PBPT, planning firm, developers, public society and every single people in the place.Although the proposed CPA provides a great opportunity of public participation in he local plan preparation process, the effectiveness of the public participation is depend on public's commitment and also the sincerity of the local authority to take consideration on the public's opinion.*